

28 JUL 1997

Asean-Downer (mata wang)

AUSTRALIA YAKIN DENGAN EKONOMI ASEAN, KATA DOWNER

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Australia penuh yakin dengan kekuatan ekonomi negara-negara Asean meskipun mata wang mereka menghadapi serangan spekulatif baru-baru ini, kata Menteri Luar Australia Alexander Downer.

"Saya telah dengar daripada menteri-menteri luar yang lain mengenai apa yang diperkatakan oleh Dr Mahathir...saya hanya boleh sampaikan pandangan ini, telahpun saya sampaikan kepada, bahawa kerajaan Australia mempunyai keyakinan penuh kepada kekuatan fundamental ekonomi-ekonomi Asean," katanya.

Beliau merujuk kepada pertemuan pagi ini antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri-menteri luar negara rakan dialog Asean yang sedang menghadiri persidangan selepas Mesyuarat Peringkat Menteri (PMC) di sini hari ini.

"Negara-negara Asean merupakan rakan ekonomi kami yang amat besar dan sebarang spekulasi atau usaha menggugatkan ekonomi-ekonomi tersebut sentiasa mendapat perhatian besar di Australia," kata Downer pada satu sidang berita.

Nilai beberapa mata wang di rantau ini termasuk ringgit (Malaysia), baht (Thailand) dan peso Filipina jatuh berbanding dolar Amerika selepas dilanda serangan spekulatif oleh dana-dana asing.

Mengenai isu kepulauan Spratly, Downer berkata terdapat "luahan hasrat dan rasa muhibah" oleh China dan beberapa pihak yang lain untuk mengadakan rundingan.

Katanya, Australia mempunyai pandangan bahawa isu itu perlu diselesaikan secara rundingan dua hala atau pelbagai hala.

Kepulauan Spratly dituntut sepenuhnya atau sebahagiannya oleh China, Filipina, Brunei, Malaysia, Taiwan dan Vietnam.

Ditanya mengenai bantuan pembangunan Australia kepada Kemboja, Downer berkata buat masa sekarang ia akan dikekalkan tetapi sekiranya keadaan di Kemboja semakin buruk atau tiada penyelesaian, pogram bantuan itu perlu dikaji semula.

Mengenai tawaran Australia untuk menyertai Mesyuarat Asia-Eropah (Asem), Downer berharap mesyuarat kedua Asem di London tahun depan akan membuat "satu keputusan pada dasarnya" berhubung penyertaan Canberra, New Zealand, India dan Pakistan. -- BERNAMA

MAM JK oba